

08 OCT 2001

RAFIDAH-APEC

MALAYSIA CADANGKAN DUA PROJEK PEMBANGUNAN BAGI APEC

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Malaysia telah mencadangkan dua projek pembangunan keupayaan manusia untuk dipertimbangkan di Mesyuarat Menteri-Menteri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) ke13 yang akan diadakan di Shanghai, China pada 17 dan 18 Okt ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata projek yang dicadangkan adalah seminar mengenai mempersiapkan sumber manusia untuk ekonomi baru yang memberi tumpuan kepada mengenal pasti kemahiran untuk latihan semula pekerja yang tercicir ketika menyesuaikan diri dalam era ekonomi baru.

Projek kedua adalah mengadakan seminar mengenai perkongsian maklumat dan amalan-amalan terbaik mengenai tele-kerja yang memberi penekanan kepada kaedah-kaedah baru melaksanakan kerja bagi meningkatkan keupayaan, katanya kepada sidang media di sini hari ini.

Rafidah yang akan mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat itu, berkata kedua-dua projek adalah berguna dalam menghadapi cabaran-cabaran yang disebabkan oleh kelembapan ekonomi.

Beliau juga menegaskan bahawa Malaysia akan menyertai inisiatif-inisiatif pembangunan keupayaan dan inisiatif-inisiatif berasaskan projek bagi memudahkan perdagangan Apec secara aktif.

"Kerana sekarang kita lihat Apec kembali ke jalan yang betul dengan menumpu kepada Ecotech (kerjasama ekonomi dan teknikal), pembinaan keupayaan manusia.... bukan hanya bercakap tentang membuka pasaran dan mengurangkan tarif yang lebih merupakan dalam konteks WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia)," katanya.

Beliau memaklumkan bahawa Ecotech adalah penting untuk membantu mempercepatkan pencapaian matlamat pertumbuhan ekonomi dan pembangunan saksama.

Rafidah berkata satu pelan tindakan bagi memantau dan menaikkan profail individu dan kolektif aktiviti-aktiviti Ecotech Apec juga telah dicadangkan yang pada awalnya akan menumpu kepada melaporkan inisiatif-inisiatif pembangunan sumber manusia.

Berdasarkan kepada keputusan Apec 2000 untuk melaksanakan Pelan Tindakan Ekonomi Baru, para menteri juga akan menyemak semula inisiatif-inisiatif ke arah mempergiatkan usaha mengenai isu-isu ekonomi baru seperti pengukuhan pasaran, e-dagang, jurang digital dan pembinaan keupayaan.

Inisiatif-inisiatif pengukuhan pasaran yang dilaksanakan dalam Apec termasuk sokongan kepada perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat-syarikat baru mula, perubahan perundangan, pengukuhan prasarana perundangan ekonomi dan urus tadbir korporat.

Selain itu, para menteri juga akan bertukar-tukar pandangan mengenai persediaan ke arah Persidangan Peringkat Menteri WTO Keempat yang akan berlangsung di Doha pada 9-13 Nov ini.

Sementara itu, Mesyuarat Tidak Rasmi Pemimpin-Pemimpin Apec (AELM) ke-sembilan akan menumpu kepada dasar-dasar ekonomi makro bagi pembangunan serantau dan ekonomi global, pembangunan keupayaan manusia dan cabaran-cabaran masa depan bagi Apec di alaf baru

AELM akan yang diadakan pada 20-21 Okt ini, juga akan memberi peluang bagi para pemimpin membincangkan isu keganasan, tambahnya. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual akan menghadiri mesyuarat tidak rasmi ini.

Sementara itu, Sidang Kemuncak APEC CEO (ketua-ketua pegawai eksekutif) pada 18-20 Okt akan menyaksikan beberapa pemimpin korporat terkemuka menghadirinya.

Mereka termasuk presiden dan CEO Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican; CEO Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff; pengerusi Tenaga Nasional Bhd, Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis; dan pengarah urusan Maybank Bhd, Datuk Amirsham A.Aziz. -- BERNAMA

SM FR JR